



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

POLITEKNIK PORT DICKSON MUNCUL JUARA KESELURUHAN PADA KEJOHANAN 19TH FIRA MALAYSIA CUP 2026

Kota Bharu, 11 Jun 2026 – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menganjurkan Kejohanan FIRA Malaysia Cup 2026 kali ke-19 mulai 7 hingga 11 Jun 2026 bertempat di Politeknik Kota Bharu (PKB) yang juga merupakan tuan rumah dan penganjur bersama bagi edisi kali ini. Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Pada saingan tersebut, Politeknik Port Dickson (PPD) muncul juara keseluruhan dengan meraih tiga pingat emas, satu perak dan dua gangsa menerusi pelbagai kategori yang dipertandingkan. Ianya sekaligus menamatkan dominasi Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) selaku juara bertahan selama enam tahun berturut-turut.

Kejohanan ini telah menghimpunkan seramai 1,465 penyertaan keseluruhan yang terdiri daripada pelajar politeknik dan kolej komuniti (POLYCC), sekolah, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dari dalam dan luar negara serta agensi berkaitan menerusi sembilan (9) kategori yang dipertandingkan iaitu HuroCup, Sumo Warrior, Robosot, AiBot, Simurosot, Air Drone, Business & Innovation, FIRA Autonomous Car dan MyBot.

Dengan tema 'Robotics Igniting Future Solutions', kejohanan ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada pelajar, penyelidik, pensyarah dan penggiat industri robotik untuk mempamerkan inovasi, kreativiti dan kemahiran teknikal dalam pelbagai kategori pertandingan robotik. Melalui kejohanan ini juga, peserta berpeluang mengembangkan kemahiran dalam bidang seperti robotik, automasi, pengaturcaraan, kecerdasan buatan dan mekatronik sejajar dengan perkembangan teknologi global masa kini.

Selain itu, kejohanan ini turut memberi peluang lebih jauh khususnya kepada mereka yang berjaya dinobatkan sebagai pemenang untuk meneruskan perjuangan di peringkat antarabangsa melalui penganjuran FIRA RoboWorld Cup and Summit 2026 yang bakal diadakan pada 17 hingga 21 Julai 2026 depan di Toronto, Kanada.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
11 Jun 2026**

LAMPIRAN BERGAMBAR

